

# Projek Felda satu risiko baik

Star. 3/7/2011 MS 6

Oleh **ARIFFUDDIN ISHAK**  
ariff@thestar.com.my

**G**UGUSAN Felda Jengka yang terletak di tengah-tengah Pahang menjadikan kawasan berkenaan sebagai pusat pertumbuhan sosio-ekonomi yang giat membangun.

Kewujudannya sejak mula dibuka sekitar tahun 1960-an memberi ruang kepada masyarakat bumiputera dari pelbagai pelosok tanahair untuk mencipta lembaran baru dalam landskap kehidupan mereka.

Namun disebalik kejayaan dan pembangunan Wilayah Jengka yang dilihat pada hari ini, mantan Pengarah Besar Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda), Tan Sri Raja Muhammad Alias Mohd Ali merupakan antara individu yang bertanggungjawab merealisasikan impian berkenaan.

Bertitik-tolak daripada galakan bekas Perdana Menteri ketika itu, Allahyarham Tun Abdul Razak, Felda mengambil keputusan untuk membangunkan Wilayah Jengka secara berkelompok berbanding secara berasingan sebelum ini.

“Sebelum Jengka dibangunkan, projek-projek Felda adalah bertaburan, dibuka secara



Allahyarham Tun Abdul Razak sentiasa memantau kemajuan projek pembangunan Felda.



RAJA MUHAMMAD ALIAS MOHD ALI

daripada kepompong kemiskinan. “Misi kita ialah hendak menjadikan Jengka kawasan maju, tersusun dengan penduduk yang mempunyai taraf hidup yang baik serta dibanggakan.

“Saya masih ingat apabila, Almarhum Sultan Abu Bakar melawat Jengka pada awal tahun 70an di dalam pucuk empat roda

bertaburan, dibuka secara bersendirian untuk satu-satu rancangan.

"Pendekatan ini memerlukan ramai tenaga pekerja dan juga perbelanjaan prasarana yang tinggi.

"Apabila pembangunan diselenggarakan secara berkelompok, kawasan yang luas dapat dibangunkan lebih cepat dengan kos yang ekonomik," katanya baru-baru ini.

## Kawasan strategik

Menyifatkan rancangan Segitiga Jengka yang meliputi tiga daerah iaitu Temerloh, Jerantut dan Maran sebagai sangat strategik, Muhammad Alias berkata, topografi dan keadaan muka bumi yang baik juga menyumbang kepada pemilihan Jengka sebagai projek mega kerajaan pada ketika itu.

"Pada masa itu juga Jengka dianggap sesuai dibangunkan kerana mempunyai jalan keliling yang sedia ada, iaitu dari Gambang ke Temerloh, Temerloh ke Jerantut dan Jerantut ke Gambang.

"Dengan adanya jalan-jalan tersebut, memulakan pembangunan di kawasan Jengka

adalah lebih senang.

"Taburan hujan dan keadaan tanah juga difikirkan sesuai untuk pembangunan secara besar-besaran. Boleh dikatakan ianya satu kawasan yang sangat ideal," katanya.

## Keyakinan Bank Dunia

Membangunkan projek mega terutamanya selepas negara mencapai kemerdekaan bukanlah satu langkah mudah kerana ia memerlukan peruntukan dana kewangan yang tinggi.

Berdasarkan sumber kewangan negara yang terhad ketika itu, pihak kerajaan dan Felda mengambil pendekatan mendapatkan pinjaman Bank Dunia bagi membangunkan projek berkenaan.

Menurut Muhammad Alias yang juga bekas Pengerusi Felda, matlamat kerajaan melalui Felda untuk membasmi kemiskinan khususnya bagi sesebuah negara yang baru mencapai kemerdekaan berjaya meyakinkan pihak Bank Dunia untuk memberi pinjaman.

"Pada tempoh itu, negara kita baru mendapat kemerdekaan dan

serba kekurangan terutama dari segi kewangan. Untuk menjalankan pembangunan secara besar-besaran memerlukan perbelanjaan yang besar.

"Punca dalaman kita sangat terhad dan Bank Dunia pula bersenang hati memberi pinjaman kewangan kerana projek itu melibatkan usaha membasmi kemiskinan dan pada masa yang sama menolong membangunkan sebuah negara yang baru merdeka," katanya.

Bagaimanapun Muhammad Alias berkata, proses pinjaman berkenaan tidak semudah yang disangka kerana pihak Bank Dunia turut melakukan penilaian terhadap kemampuan Felda dan kerajaan Malaysia termasuk potensi ekonomi, agrikultur serta kaedah pelaksanaan projek Jengka itu sendiri.

"Sesebuah bank yang hendak memberi pinjaman mesti membuat penilaian mengenai kebolehpayaan sesuatu projek. Bank Dunia juga berbuat sedemikian terhadap projek ini.

"Kemampuan dan kebolehan Felda juga diuji malah Bank Dunia

mendapati Felda dan kerajaan Malaysia adalah satu risiko yang baik dan boleh dipercayai serta diharap," katanya.

## Wilayah asing

Mengimbuu kembali saat pertama kali memasuki Jengka, Muhammad Alias berkata, kawasan berkenaan begitu tenang dengan dipenuhi rimbunan pokok yang menghijau.

Namun menurutnya, keadaan di Jengka sekarang cukup berbeza dari segi pembangunan infrastruktur dan sosioekonomi setempat jika dibandingkan empat dekat yang lalu.

"Sekarang Jengka tidaklah begitu, telah kehilangan kesunyian tersebut. Jengka sekarang ini kawasan ekonomi yang bergerak aktif dengan komuniti yang sangat bersemangat dan produktif," katanya.

Tambah beliau, dengan misi dan visi serta pelan pelaksanaan yang terancang, beliau optimis projek berkenaan mampu mencapai kejayaan khususnya untuk mengeluarkan masyarakat Melayu

70an di dalam pacuan empat roda yang dinaiki, Almarhum berkata, "Di Jengka ini, Felda bukan membuka rancangan, sebenarnya Felda membuka negeri."

"Visi Almarhum telah direalisasikan melalui dorongan yang kuat daripada Allahyarham Tun Abdul Razak," katanya.

Justeru tambah beliau, warga peneroka serta generasi baru Felda perlu terus bekerja untuk memajukan diri serta bersedia menghadapi cabaran baru.

Khususnya generasi baru hari ini, Muhammad Alias berkata, kelompok berkenaan seharusnya memandang jauh ke hadapan serta terus bekerjasama dengan Felda.

"Kita mesti sentiasa bersedia bekerja kuat dan rajin pada setiap masa untuk mencapai kemajuan dan kejayaan.

"Perpaduan di kalangan masyarakat dan kerjasama antara Felda dan peneroka sangat diperlukan untuk menjamin masa hadapan kita bersama.

"Sesuatu masyarakat dan organisasi yang rapat dan kental boleh sama-sama berhadapan dengan apa jua cabaran sama ada besar atau kecil," katanya



Keadaan kawasan penempatan tanah rancangan Felda suatu ketika dahulu.



Kesungguhan peneroka membangunkan kawasan tanah rancangan terserlah sejak dulu.



Allahyarham Tun Abdul Razak dalam satu lawatannya ke tanah rancangan Felda.